



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	27/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	KeTSA		

Kelahiran kembar Ungka Tangan Putih pertama Asia di Zoo Melaka

BH, 27 Sept
2021_18

Melaka: Zoo Melaka mencatat sejarah tersendiri apabila menyambut kelahiran anak kembar Ungka Tangan Putih yang dipercayai kali pertama berlaku di benua Asia.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman, berkata difahamkan ungka beranak kembar tidak pernah berlaku di Asia sebelum ini, malah berkemungkinan juga di dunia.

Katanya, kelahiran kembar spesies seumpama itu difahamkan pernah dilihat di Zurich dan Berlin, tetapi membabitkan jenis Siamang dan bukan Ungka Tangan Putih.

Setakat ini, beliau berkata, haiwan kembar itu belum diberi nama, namun pihaknya berhasrat menganjurkan pertandingan memberikan nama kepada haiwan terbabit selepas keadaan kembar berkenaan stabil.

"Lebih menarik, bukan sahaja ungka selamat melahirkan anak, malah banyak lagi haiwan lain sedang bunting dan bakal beranak.

"Perkembangan itu bermakna Zoo Melaka berada dalam keadaan baik. Ia sekali gus menolak dakwaan bahawa haiwan di zoo itu terabai sejak pandemik COVID-19 melanda negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada lawatan persediaan pembukaan Zoo Melaka, bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk T's Kamel Mohamad.

Sementara itu, pakar primatologi dari Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr Badrul Munir Md Zain pula memaklumkan kelahiran ungka kembar amat jarang berlaku di dunia.

Katanya, ada penerbitan saintifik sekitar 1990-an mengenai kelahiran Famili Hylobatidae di Zoo Zurich serta Zoo Berlin membabitkan kelahiran



Ibu Ungka Tangan Putih mendukung anak kembar di Zoo Melaka, semalam.

(Foto Syafeeq Ahmad/BH)

kembar Siamang dan bukan Ungka Tangan Putih.

Beliau berkata, faktor kesuburan induk jantan dan betina, persekitaran kondusif pulau ungka, dan kurang gangguan kehadiran manusia ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memungkinkan kelahiran bayi kembar Ungka Tangan Putih itu.

Katanya, ungka itu dikategorikan sebagai primat terancam menurut senarai merah Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Antarabangsa (IUCN) dengan bilangan populasinya menurun berikutan ancaman daripada perdagangan haram dan peliharaan.

Beliau berkata, pihaknya sedang melakukan kajian aspek ekologi, kelakuan dan metagenomik ungka di Malaysia, di samping meneruskan kerjasama penyelidikan dengan Zoo Melaka dari aspek kelakuan bayi ungka kembar terbabit.